

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM**

**TARIKH : 27 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9974**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senarai pecahan pekerja asing mengikut negara asal mereka. Memandangkan pekerja asing Bangladesh telah menjadi kelompok PATI yang "Program Rehiring" dan merupakan kumpulan yang tidak ingin balik ke negara asal yang terbesar, kenapakah Kerajaan masih bercadang mengimport 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Penggajian dan Penempatan Semula (Program *Rehiring*) telah dilaksanakan secara atas talian melalui portal *rehiring.imi.gov.my* bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2017 bagi PATI dari 15 negara sumber sedia ada.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pekerja asing yang sah sehingga 30 Jun 2017 adalah berjumlah 1,781,598 orang. Pecahan statistik pekerja asing mengikut warganegara adalah seperti berikut:

- i) Indonesia - 728,870 orang
- ii) Nepal - 405,898 orang

SULIT

iii)	Bangladesh	-	221,089 orang
iv)	Myanmar	-	127,705 orang
v)	India	-	114,455 orang
vi)	Pakistan	-	59,281 orang
vii)	Filipina	-	56,153 orang
viii)	Vietnam	-	29,039 orang
ix)	China	-	15,399 orang
x)	Thailand	-	12,603 orang
xi)	Sri Lanka	-	5,964 orang
xii)	Combodia	-	5,103 orang
xiii)	Laos	-	39 orang

SULIT